

ISU @CYBER

# Media sosial boleh perangkap remaja



Kanak-kanak perlu diajar etika gunakan media sosial dengan betul dan bahasa yang digunakan untuk mengelakkan kanak-kanak ini menjadi mangsa"

**Dr Mohammad Rahim Kamaluddin,**  
Pakar Kriminologi UKM

**Media** sosial kini adalah satu medium perhubungan semua pihak, terutama remaja dan kanak-kanak.

Namun, dalam kemeriahan dunia media sosial ini, banyak juga perkara negatif terjadi dan golongan remaja serta kanak-kanak sering menjadi mangsanya.

Kajian terbaru daripada pakar kriminologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Mohammad Rahim Kamaluddin menunjukkan media sosial bukan sahaja menjadi platform bagi pelaku jenayah seksual mendekati kanak-kanak, malah ia dijadikan katalog untuk memilih mangsa.

Dr Mohammad Rahim mendedahkan laman sosial seperti Facebook dan aplikasi WeChat adalah antara yang sering menjadi medium bagi pelaku jenayah seksual.

Katanya, pelaku seksual itu mempunyai cita rasa sendiri, mengikut kehendak mereka dan apabila kanak-kanak mempunyai akaun laman sosial, ia menjadi saringan bagi pelaku seksual ini memilih siapa yang dia mahu melalui gambar yang dimuat naik.

"Media sosial dijadikan sebagai platform kerana dalam masa seminit, mereka (pelaku seksual) boleh mendekati mangsa (kanak-kanak) dengan mengajak berkomunikasi tanpa menggunakan profil sebenar mereka," katanya.

"Aplikasi WeChat juga menjadi pilihan utama modus operandi pelaku seksual memandangkan ia mudah digunakan dan tidak memerlukan nombor telefon.

"Melalui aplikasi WeChat, pelaku seksual tak perlukan nombor telefon, cuma perlu tekan butang

*search near by* untuk mendekati kanak-kanak," katanya.

## Eksperimen fungsi aplikasi

Dr Mohammad Rahim berkata, beliau sendiri pernah membuat beberapa eksperimen menerusi fungsi *search near by*, dan hasilnya beliau mendapati ada antaranya menggunakan gambar bogel.

Beliau berkata, berdasarkan kajiannya, hampir 80 peratus pelajar di kawasan bandar juga mempunyai akaun Facebook seawal 10 tahun, malah ada yang memiliki sehingga tiga akaun dalam satu masa.

"Oleh itu, kanak-kanak perlu diajar etika menggunakan media sosial dengan betul dan bahasa yang digunakan untuk mengelakkan kanak-kanak ini menjadi mangsa," katanya.

Sementara itu, pakar kriminologi Universiti Sains Malaysia, Dr Geshina Ayu Mat Saat, berkata lebih ramai kanak-kanak perempuan berbanding lelaki didapati memuat naik dan mencari gambar lucah di media sosial.

Menurutnya, kajian terhadap 1,400 pelajar Tingkatan Satu hingga Tiga di seluruh negara menunjukkan lebih ramai kanak-kanak perempuan cenderung melakukan kegiatan negatif berkenaan.

"Mereka melakukan kegiatan itu bagi menunjukkan mereka lebih dewasa daripada usia sebenarnya. Itu semua dilakukan tanpa pengetahuan ibu bapa," katanya.

Katanya, kegiatan berkenaan secara langsung memberi provokasi kepada pelaku jenayah seksual untuk melihat gambar ini, sekali gus mencari mangsa.